



Wanita yang menghadapi tekanan darah tinggi (hipertensi kronik) sebelum hamil lebih cenderung untuk mempunyai masalah yang serius semasa mengandung. Malah, ia adalah pembunuh kedua ibu mengandung di kebanyakan negara membangun selain pertumpahan darah berlebihan. Manakala di negara-negara maju, ia antara penyebab utama kematian ibu mengandung.

Ketidapaan: Minifeife

Hipertensi BANYAK 'SENYAP' IBU HAMIL

Foto: 123RF.com

Oleh itu, ia tidak harus dipandang ringan. Seramai 3-10 peratus wanita akan mengalami masalah ini ketika mengandung. Di Malaysia, insiden tekanan darah tinggi semasa mengandung di hospital tertier (hospital yang mengendalikan kehamilan 10 hingga 15 peratus).

Masalah hipertensi semasa mengandung dikatakan berlaku apabila hipertensi dikesan selepas kehamilan melepasi usia 20 minggu bagi ibu yang sebelumnya mempunyai tekanan darah yang normal. Semasa mengandung seseorang ibu dikatakan mempunyai hipertensi jika:

- ✦ Tekanan darah sistolik sama atau melebihi 140 mmHg atau tekanan darah diastolik sama atau melebihi 90 mmHg.
 - ✦ Perbezaan kenaikan tekanan darah sistolik melebihi 25 mmHg atau perbezaan kenaikan tekanan darah diastolik melebihi 15 mmHg daripada tekanan darah ibu semasa sebelum mengandung. Tekanan darah ini akan diambil dalam dua kiraan dan diambil dalam jangka masa empat hingga enam jam, bagi menolak kemungkinan ia sementara sahaja.
- Masalah hipertensi ini secara amnya terbahagi kepada 3 jenis: Gestational Hypertension, Pre-eklampsia (PE) dan Eklampsia (sawan mengandung).
- Penyakit Gestational Hypertension berbeza dengan penyakit PE dengan

ketidapaan protein di dalam air kencing. Penyakit Eklampsia pula adalah yang paling serius.

Pre-eklampsia

Ia berlaku apabila hipertensi dikesan bersama-sama kehadiran protein dalam air kencing. Antara risiko-risiko lain kepada ibu yang mengandung termasuk:

- ✓ Mengandung di bawah umur 20 tahun.
- ✓ Kehamilan pertama
- ✓ Kehamilan pertama dengan pasangan baru (contohnya apabila dia berkahwin baru)
- ✓ Sejarah menghadapi masalah pre-eklampsia semasa kandungan yang lepas
- ✓ Penyakit diabetes Mellitus

“Ubat-ubatan bukanlah rawatan sebenar penyakit hipertensi. Rawatan sebenarnya ialah kelahiran dan pengeluaran uri itu sendiri. Ini kerana kejadian penyakit hipertensi semasa mengandung berkait rapat dengan masalah uri.”

- ✓ Hiperlipidaemia (mempunyai kandungan lipid dalam darah yang berlebihan)
- ✓ Obesiti
- ✓ Kandungan kembar

Ibu-ibu yang mempunyai risiko di atas digalakkan untuk memeriksa tekanan darah mereka dengan lebih kerap semasa pemeriksaan antenatal, sekiranya dikesan dan dirawat, ia dapat mengawal keadaan penyakit ini supaya tidak timbul komplikasi yang membahayakan ibu dan kandungannya.

Eklampsia (kencing manis)

ia adalah masalah kecemasan yang paling digeruni. Eklampsia berlaku apabila salur darah di otak mengalami masalah spasm sehingga menyebabkan kekurangan aliran darah di otak ataupun pecan dan menyebabkan pendarahan otak. Kejadian ini tidak mudah diduga, ia boleh berlaku dengan tiba-tiba. Ia juga boleh berlaku selepas kelahiran (sewaktu dalam bantang).

Eklampsia boleh menyebabkan, masalah kabur penglihatan disebabkan selaput retina yang telah lekap (*retinal detachment*), kesukaran bernafas disebabkan paru-paru berair (*pulmonary oedema*), pendarahan tidak berhenti (*disseminated intravascular coagulopathy* atau *DIC*), masalah ginjal (*renal failure*), masalah hati (*liver failure*), uri lekang (*placental abruption*) dan kematian ibu serta kandungannya. Kematian ibu yang disebabkan oleh eklampsia adalah dalam lingkungan 10 peratus.



Pastikan pemantauan antenatal yang lebih kerap bagi memastikan ibu dan kandungan tidak terjejas.

Foto: 123rf.com

Pemantauan risiko

Jika seseorang ibu didapati mengalami masalah hipertensi, doktor akan menasihatkan pemantauan antenatal yang lebih kerap bagi memastikan kesihatan ibu dan kandungannya tidak terjejas.

Bagi kebanyakan wanita yang mempunyai tekanan darah yang sederhana tinggi (140/90 untuk 150/100 milimeter merkuri (mmHG) rawatan dengan ubat-ubatan antihipertensi tidak disyorkan. Sebaliknya bagi yang mempunyai tekanan darah lebih tinggi daripada 150/100 mmHG, adalah disyorkan.

Sebahagian besar hospital mempunyai kemudahan unit jagaan harian (*day care centre*) bagi membolehkan ibu-ibu ini diperiksa secara berkala dan kemudiannya akan diputuskan sama ada perlu atau sebaliknya untuk memasuki wad.

Sekiranya perlu, ibu juga akan diberi ubat-ubatan bagi mengawal tekanan darahnya supaya pengaliran darah tidak menjejaskan kesihatannya dan juga kesihatan janinnya. Kebanyakan ubat-ubatan antihipertensi yang digunakan

untuk merawat tekanan darah tinggi boleh digunakan dengan selamat semasa mengandung.

Walaupun bagaimanapun, pengambilan *angiotensin-converting enzyme (ACE) inhibitors* hendaklah dihindarkan semasa mengandung terutamanya pada dua trimester terakhir. Ubat ini boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang yang teruk pada janin dan boleh menyebabkan kematian bayi tidak lama selepas dilahirkan.

Kesimpulan

Pre-eklampsia dan eklampsia merupakan masalah penting kepada mereka yang menghadapi masalah tekanan darah tinggi semasa mengandung. Buat masa sekarang, tiada ujian saringan yang dapat dilakukan kepada mereka yang mengandung. Dari itu, pemeriksaan dan pemantauan semasa peringkat antenatal adalah cara yang terbaik untuk mengenali mereka yang mempunyai risiko.

Komplikasi daripada masalah ini dapat dikurangkan jika ia dapat dikesan awal dan langkah-langkah sewajarnya diambil dalam kadar yang segera.